

# Dr M dijemput sertai sidang

**H**ELSINK: Tun Dr Mahathir Mohamad yang tewas dalam cubaannya untuk menjadi perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, akan dijemput ke Perhimpunan Agung parti, November ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, berkata bekas Perdana Menteri itu tidak pernah dikecualikan daripada menghadiri persidangan parti.

"Kita jemput semua ahli parti kita dan Tun tidak pernah dikecualikan," katanya kepada pemberita di luar mesyuarat Sidang Kemuncak Asia-Eropah keenam (Asem 6) yang bermula di sini, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir yang juga bekas Presiden Umno, mendapat 227 undi, menduduki tempat kesembilan daripada 15 calon yang bertanding merebut tujuh tempat bagi mewakili bahagian itu ke perhimpunan agung.

Persidangan Umno bahagian Kubang Pasu amat ditunggu-tunggu ramai pemerhati politik kerana mencatat sejarah apabila kali pertama bekas pemimpin nombor satu parti dan negara bertanding untuk menjadi perwakilan.

Dr Mahathir mengetuai bahagian itu selama 30 tahun sebelum menyerahkan jawatan itu kepada penggantinya, Datuk Mohd Johari Baharom, sebaik melepaskan jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri pada akhir 2003.